

## MENJAWAB KRITIKAN MERNISSI TERHADAP ABU HURAYRAH R.A

Mohd Norzi bin Nasir

Mohd Asri bin Ishak

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

[mohdnorzi@kuis.edu.my](mailto:mohdnorzi@kuis.edu.my), [mohdasri@kuis.edu.my](mailto:mohdasri@kuis.edu.my)

### Abstrak

Kertas kerja ini menjawab kritikan Fatima Mernissi, feminis Muslim liberal dari Kota Fez Magribi terhadap perawi hadis ulung di kalangan sahabat Nabi s.a.w iaitu Abu Hurayrah r.a. Akibat kehilangan jati diri Muslim dan menjadi agen produk pendidikan barat, Mernissi nyata mempertikai dan mempersoalkan kredibiliti Abu Hurayrah r.a sebagai perawi hadis-hadis Nabi s.a.w. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan berdasarkan analisa teks kritikan Mernissi yang termuat dalam bukunya bertajuk *Women and Islam: An Historical and Theological Enquiry*. Dapatan kajian mendapati bahawa aspek-aspek positif mengenai peribadi dan kredibiliti Abu Hurayrah malang sekali tidak banyak ditonjolkan oleh Mernissi. Berdasarkan fakta sejarah melalui pembacaan berterusan dan pemahaman yang jelas umat Islam akan dapat memperolehi informasi dan sumbangan Abu Hurayrah r.a yang tidak ternilai dalam periwayatan hadis Nabi s.a.w dan menolak dakwaan seperti yang dilontarkan oleh Mernissi.

Kata kunci: Menjawab, Kritikan, Mernissi, Abu Hurayrah. *Women and Islam*.

### PENDAHULUAN

Kelahiran dan kebangkitan para sahabat baginda s.a.w dalam periwayatan hadis sepanjang zaman merupakan satu kurniaan luar biasa daripada Allah s.w.t. Usaha yang disumbangkan oleh mereka adalah bukti mereka mempertahankan kredibiliti Rasulullah s.a.w selaku penyampai wahyu Allah melalui lidah, perbuatan dan pengakuan. Para sahabat r.a merupakan generasi pertama yang mengambil periwayatan daripada baginda s.a.w. Abu Hurayrah adalah di antara perawi hadis tertinggi dalam sejarah periwayatan hadis dan baginda s.a.w mengakui kredibiliti beliau sebagai perawi hadis. Namun peribadi kewibawaan Abu Hurayrah r.a sebagai perawi hadis ulung dikritik oleh seorang tokoh sosiolog Magribi iaitu Fatima Mernissi.

#### Fatima Mernissi dan Kota Fez

Mernissi lahir di sebuah *harem* di kota Fez Maghribi pada tahun 1940M. Kota Fez dibangunkan melalui dua cara yang berbeza dengan kombinasi dua wilayah masing-masing berkedudukan di sisi sungai kecil. *Harem* adalah tempat di dalamnya seorang lelaki melindungi keluarganya yang terdiri dari seorang atau beberapa isteri, anak-anak dan saudara-saudara wanita. Salah satu wilayah menempatkan makam Maula Idris pengasas kota Fez. Berdekatan dengan makam pula tersergam Masjid Agung Qurawiyyin hasil binaan dinasti Murabitun suatu ketika dahulu yang mendapat persetujuan jurutera Andalusia dilengkapi dengan sekolah-sekolah bantuan. ( Fatima Mernissi: 1991: 69)

Pengalaman dalam meniti usia remaja menyaksikan suasana yang nyata berbeza. Mernissi mula mendapatkan pelajaran agama dengan mempelajari pengajian al-sunnah. Di sekolah menengah Mernissi kembali menemukan persoalan-persoalan yang menggelisahkan. Pelajaran ḥādīṣ yang diterima dari guru-gurunya membuat hati Mernissi terluka. Mernissi berkata: "...Namun ketika aku meningkat dewasa alunan al-Qur'an seolah-olah semakin pudar, beberapa ḥādīṣ yang bersumber dari kitab al-Bukhārī, didengarkan oleh para guru kepada kami, membuat hatiku terluka. Katanya Rasulullah s.a.w bersabda bahawa,"... anjing, keldai dan wanita akan membatalkan ṣalat seseorang apabila ia melintas di depan mereka, menyela di antara orang yang ṣalat dan kiblat". Perasaanku amat tersinggung mendengar ḥādīṣ seperti itu. Aku hampir tidak pernah mengulangnya dengan harapan, kebisuan akan membuat ḥādīṣ ini luput dari kenanganku. Aku bertanya sendirian,"...tergamak Rasulullah s.a.w mengucapkan ḥādīṣ seperti ini yang melukai hatiku. Bagaimana Nabi Muhammad s.a.w yang amat dikasihi, tergamak melukai perasaan gadis kecil tatkala saat pertumbuhannya, baginda berusaha menjadikannya sebagai kekasihnya". ( Fatima Mernissi: 1991: 64)

Sikap emosional serta jiwa yang memberontak terhadap naṣ-naṣ yang didapati dari al-Qur'an mahupun ḥādīṣ ternyata tidak terhenti pada usia kanak-kanak dan remaja Mernissi. Hal ini adalah disebabkan faktor lingkungan kehidupan yang pernah dilalui sewaktu kecil.

Melalui bukunya *Women and Islam* beliau memuatkan kisah pengalaman peribadi ketika remaja sewaktu berinteraksi dengan masyarakat dan merupakan hasil kajian kritik terhadap peribadi Abu Hurayrah dan Abu Bakrah serta kritikan teks-teks ḥādīṣ Nabi s.a.w. berunsur misoginis.

### **Kritikan Mernissi Terhadap Abū Hurayrah**

#### **i) Peribadi Abu Hurayrah r.a**

Melalui kajiannya Mernissi mengkritik tentang peribadi Abū Hurayrah r.a yang sensitif *gender*. Beliau mengatakan," bukanlah suatu usaha yang sia-sia untuk menggali keperibadian Abū Hurayrah seorang perawi ḥādīṣ yang begitu membosankan tentang kehidupan seharian wanita Muslim moden. ( Fatima Mernissi: 1991: 78)

Menurut Mernissi lagi sebaiknya-baiknya kita terus meneliti dan mengkaji keperibadian Abū Hurayrah. Tanpa bermaksud untuk memainkan peranan dan membuat analisis yang mendalam, dapat saya nyatakan di sini bahawa sikap ragu Abū Hurayrah terhadap wanita terselubung dalam kisah yang sangat ringkas mengenainya. Nama Abū Hurayrah bermaksud "bapa kucing betina kecil dan sebelumnya menggunakan gelaran °Abd al-Shams. ( Fatima Mernissi: 1991: 70-71)

Mernissi mengatakan bahawa Abū Hurayrah mempunyai perasaan yang kurang selesa dengan wanita dan tidak mempunyai perkerjaan lelaki sejati. Sebagai mendukung kritikan dan tuduhan beliau terhadap Abū Hurayrah, Mernissi terus memetik dari kitab *al-Iṣābah* bahawa, Abū Hurayrah lebih suka bersama Rasulullah s.a.w dan kadangkala membantu kerja di rumah-rumah kediaman para wanita. ( Fatima Mernissi: 1991: 72)

Tambahan lagi Mernissi menyebutkan, "...para sahabat lain mencurahkan jiwa dan raga mereka terhadap perniagaan dan menghabiskan waktu mereka di pasar-pasar. Sementara Abū Hurayrah pula tidak memilih kerjaya lain selain mengikuti Rasulullah s.a.w ke mana sahaja baginda pergi. Khalifah ʿUmar al-Khaṭṭāb yang terkenal dengan kekuatan tubuh badannya tidak suka kepada orang yang malas tanpa melakukan sesuatu perkerjaan. Satu ketika beliau menawarkan kepada Abū Hurayrah pekerjaan namun Abū Hurayrah menolak pelawaan tersebut sehingga beliau amat terkejut. Lantas ʿUmar bertanya, engkau menolak pelawaanku? Orang yang lebih baik daripada kamu sekalipun meminta untuk berkerja. "Siapakah orang yang lebih baik itu?" tanya Abū Hurayrah. ʿUmar terus menjawab, "Yūsuf a.s putera Nabi Yaʿqūb a.s ". Abū Hurayrah menjawab dengan tanpa merasa dirinya bersalah atau malu katanya, "Dia adalah seorang nabi anak kepada salah seorang nabi, tetapi aku, Abū Hurayrah putera Umayma. ( Fatima Mernissi: 1991: 81)

## ii) Kritikan Mernissi Terhadap Ḥādīṣ-Ḥādīṣ Abū Hurayrah r.a

Adapun berkenaan ḥādīṣ-ḥādīṣ yang diriwayatkan Abū Hurayrah, Mernissi memberikan catatan sebagai berikut:

Adanya bantahan-bantahan terhadap ḥādīṣ-ḥādīṣ riwayat Abū Hurayrah, khususnya bantahan dari ʿĀ'ishah. Hadis misogynis riwayat Abū Hurayrah adalah hadis tentang tiga hal yang membawa bencana, iaitu rumah, perempuan dan kuda, dibantah ʿĀ'ishah kerana Abū Hurayrah mempelajari ḥādīṣ ini dengan sangat teruk. Menurut ʿĀ'ishah, Abū Hurayrah memasuki rumah Rasulullah s.a.w ketika baginda di tengah-tengah pengucapannya. Abū Hurayrah hanya sempat mendengar bahagian akhir dari sabda Rasulullah s.a.w. Sabda baginda s.a.w adalah: "Semoga Allah s.w.t membuktikan kesalahan kaum Yahudi. Mereka mengatakan, ada tiga hal yang membawa bencana, rumah, perempuan dan kuda".( Fatima Mernissi: 1991: 76)

Begitu juga hadis tentang anjing, keldai dan perempuan yang dapat membatalkan sembahyang. Menurut ʿĀ'ishah ketika ditanya tentang ḥādīṣ tersebut, ʿĀ'ishah menjawab, "Kalian menyamakankan kami dengan keldai dan anjing. Demi Allah, aku pernah menyaksikan Rasulullah s.a.w melaksanakan solat, ketika aku berbaring di tempat tidur, di antara Rasulullah s.a.w dan kiblat, aku sama sekali tidak bergerak agar tidak mengganggunya. Menerusi ḥādīṣ ini pula, Mernissi mengatakan bahawa beliau cukup terkejut mendengar ḥādīṣ ini dan beliau cuba sedaya mungkin untuk tidak mengulanginya dan hilang dari ingatannya. Mernissi mengatakan, "...Tidak terbandung oleh pernyataan-pernyataan ʿĀ'ishah, pengaruh Abū Hurayrah telah merasuk sejumlah teks keagamaan yang sangat berharga termasuk kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang nampaknya tidak memasukkan pembetulan yang dilakukan oleh ʿĀ'ishah. ( Fatima Mernissi: 1991: 70)

## Sanggahan Terhadap Kritikan Mernissi Ke Atas Abū Hurayrah

### Biografi Abū Hurayrah dan Kewibawaannya

Beliau ialah Abū Hurayrah al-Dawsī al-Yamanī. Para ulama berselisih pendapat tentang nama beliau. Nama beliau dikatakan sebagai ʿAbd al-Rahman ibn Ṣakḥar, atau ibn Ghunm, atau Abdullah ibn Aʿiz, ʿAbd Shams dan beberapa nama lain. Sewaktu zaman Jahiliyah nama beliau dikatakan sebagai ʿAbd Syams. ( Ibn Hajar: 1984).

Abū Hurayrah memeluk Islam pada tahun 7H, tahun berlakunya peperangan Khaibar. Beliau memeluk Islam setelah mendengar dakwah dari Ṭufail ibn ʿAmr al-Dawsī yang pernah datang ke Madinah menghadap baginda s.a.w. (al-Hakim: 1978: 3:259)

Rasulullah s.a.w memberikan gelaran kepada beliau dengan gelaran Abū Hurayrah. Julukan dari Rasulullah s.a.w itu semata-mata karena kecintaan beliau kepadanya dan Abū Hurayrah menerimanya. Beliau terkenal sebagai tokoh yang teguh berpegang pada sunnah Rasulullah s.a.w dan sentiasa memberikan khidmat bakti kepada baginda. Sejak memeluk Islam Abū Hurayrah sering berdampingan dengan Rasulullah s.a.w.

Menurut ʿAjjāj al-Khāṭib, Abū Hurayrah sering bersama Rasulullah s.a.w dan mempunyai banyak kesempatan untuk belajar serta menerima ḥādīṣ berlainan dengan para sahabat yang sibuk menguruskan ladang-ladang, dagangan-dagangan dan yang membantu Rasulullah s.a.w dalam pertempuran dan pertahanan negara. (ʿAjjāj al-Khāṭib:1971:70)

Allah memakbulkan doa Rasulullah s.a.w agar Abū Hurayrah dianugerahkan hafalan yang kuat. Kekuatan hafalan beliau adalah sebagai satu bukti keberkatan doa baginda s.a.w. Hal ini sebagaimana kisah yang diungkapkan oleh Abū Hurayrah sendiri.

عن أبي هريرة قال قلت ثم يا رسول الله إني أسمع منك حديثا كثيرا أنساه قال ابسط رداءك فبسطته قال فغرف بيديه ثم قال ضمه فضمته فما نسيت شيئا بعده

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah r.a berkata: Wahai Rasulullah, aku mendengar hadis yang banyak daripadaMu, tetapi aku sering lupa, Rasulullah s.a.w berkata, "Hamparkanlah selendangmu. Lalu aku menghamparkannya, lalu Rasulullah s.a.w memegang dengan kedua tangannya dan baginda s.a.w bersabda, "Ikatlah". Lalu aku mengikatnya. Sejak itu aku tidak pernah lupa. (al-Bukhari: 1981: 56)

Kekuatan hafalan Abū Hurayrah turut disaksikan dan diperakukan oleh Zayd bin Thābit dengan katanya yang bermaksud, "Aku, Abū Hurayrah dan selain kami berada di samping Rasulullah s.a.w. Lalu baginda bersabda."Berdoalah kalian. Aku dan sahabatku berdoa dan Rasulullah mengaminkan doa kami. Kemudian Abū Hurayrah berdoa," Ya Allah aku memohon dariMu agar dikurniakan kepadaku sebagaimana permohonan kedua kawanku dan aku memohon dariMu suatu ilmu yang tidak lupa. Rasulullah s.a.w mengaminkannya. Kami berkata, "wahai Rasulullah kami juga inginkan doa seperti Abū Hurayrah". Baginda s.a.w bersabda,"*Anak Dāwsī ini telah mendahului kalian berdua*".

Ketekunan Abū Hurayrah dalam menerima, mendengar dan mempelajari ḥādīṣ daripada baginda s.a.w terbukti apabila beliau merupakan perawi pertama yang menanyakan ḥādīṣ gerangan yang paling bahagia kerana mendapat shafāʿat daripada baginda s.a.w pada hari kiamat. (Azwira Abd Aziz, et.al.: 2002: 211)

Kewibawaan beliau sebagai seorang perawi ḥādīṣ telah diakui oleh baginda, semua para sahabat dan ulama Ahli al-Sunnah wa al-Jamāʿah. Abū Hurayrah adalah sahabat yang sangat akrab dengan Rasulullah s.a.w. Beliau turut dikenali sebagai salah seorang ahli suffah yang tinggal di wakaf masjid. Sifat amanah dan taqwa yang dimiliki oleh beliau menjadi kebanggaan baginda sehingga baginda s.a.w melantik beliau sebagai pengagih makanan untuk ahli suffah iaitu golongan fuqarā' muhajirin yang tiada tempat tinggal. Beliau turut diberi kepercayaan oleh Rasulullah s.a.w untuk menjadi *muazzin*. Rasulullah s.a.w memperakui bahawa beliau merupakan satu-satunya lelaki Muslim dari *qabīlah Dāws* yang menyertai peperangan *Khāybar* bersama baginda. (Azwira Abd Aziz, et.al.: 2002: 212)

Abū Hurayrah meriwayatkan hadis dari Abū Bakar al-Ṣiddīq, ʿUmar, Uthmān, Ubay bin Kaʿb, ʿUthmān bin Zāyid, ʿĀ'ishah dan para sahabat yang lain. Manakala jumlah para perāwi yang meriwayatkan ḥādīṣ dari beliau melebihi 800 orang terdiri dari para sahabat dan

tabi<sup>c</sup>in. Di antara mereka dari kalangan sahabat adalah Abdullah bin <sup>c</sup>Abbās, Abdullah bin Umar, Jabir bin Abdullah, dan Anas bin Mālīk, manakala dari kalangan tabi<sup>c</sup>in antara lain Sa<sup>c</sup>id bin al-Musāyyab, Ibn Sīrīn, <sup>c</sup>Ikrimah, Aṭa', Mujahid dan al-Sha<sup>c</sup>bī. <sup>c</sup>Ajjāj al-Khaṭīb menjelaskan bahawa Abū Hurayrah juga banyak meriwayatkan ḥādīṣ daripada para sahabat, seperti Abū Bakar, <sup>c</sup>Umar bin al-Khaṭṭāb, Ibn <sup>c</sup>Abbās, <sup>c</sup>Ā'ishah bint Abū Bakar, Usāmah bin Zayd, dan Ka<sup>c</sup>ab al-Aḥbār (tabi<sup>c</sup>in, bekas ahli kitab). (Muhammad Ajjaj: t.th: 428)

Bahkan rangkaian sanad paling sahih yang tercatat dalam dua kitab ḥādīṣ al-*ṣaḥīḥayn* iaitu Ṣaḥīḥ al-Bukhārī dan Ṣaḥīḥ Muslim berdasarkan penelitian para pengkritik ḥādīṣ, terdapat 1 rangkaian sanad paling sahih yang berasal daripada Abū Hurayrah. (al-Dhahabi: 1992: 2:597)

Rangkaian periwayatan itu adalah sebagai berikut: (1) Yaḥya bin Abī Kathīr daripada Abī Salamah dari Abū Hurayrah, (2) al-Zuhrī dari Sa<sup>c</sup>id bin al-Musayyab dari Abū Hurayrah, (3) Ibn <sup>c</sup>Awni dari Ayyūb dari Muḥammad bin Sīrīn dari Abū Hurayrah, (4) Mālīk dari al-Zuhrī, dari Sa<sup>c</sup>id bin al-Musayyab dari Abū Hurayrah (5) Sufyān bin <sup>c</sup>Uyaynah dari al-Zuhrī dari Sa<sup>c</sup>id bin al-Musayyab dari Abū Hurayrah, (6) Mu<sup>c</sup>ammar dari al-Zuhrī dari Sa<sup>c</sup>id bin Musayyab dari Abū Hurayrah, (7) Isma<sup>c</sup>īl bin Abī Hakim dari Ubaidah bin Abī Sufyān al-Haḍramī dari Abū Hurayrah, (8) Mu<sup>c</sup>ammar dari Hammān bin Munabbih dari Abū Hurayrah. Ibn Ḥajar, *Tahzīb al-Tahzīb*, juz 3 hlm. 220, Abd al-Mun<sup>c</sup>im al-<sup>c</sup>Alī, *Difa<sup>c</sup> an Abī Hurayrah*, hlm 269. Berdasarkan bukti-bukti sejarah, ramai para ulama yang memberikan pembelaan positif terhadap Abū Hurayrah. Al-Imam as-Syafi<sup>c</sup>ie berkata: “Abū Hurayrah adalah sahabat yang paling hafaz ḥādīṣ-ḥādīṣ Nabi s.a.w pada zamannya.” Al-Imam al-Bukhārī berkata, “800 orang meriwayatkan ḥādīṣ daripada Abū Hurayrah dan dia adalah yang paling hafaz tentang ḥādīṣ-ḥādīṣ Nabi S.A.W di zamannya.” Al-Imam Ibn Kathīr berkata: “Abū Hurayrah adalah terpercaya, penghafaz, rendah hati, ahli ibadah, seorang zuhud, dan amal ṣalehnya banyak. (al-Dhahabi: 1992: 2:597)

Abū Hurayrah menghembuskan nafas terakhir pada 57 atau 58 H (676-678 M) dalam usia 78 tahun di Madinah. Beliau telah mewafatkan warisan yang amat berharga kepada umat Islam dan merupakan sahabat yang paling banyak meriwayatkan ḥādīṣ dari Rasulullah s.a.w iaitu 5374 ḥādīṣ.

### Sanggahan Ke Atas Mernissi Berkenaan Nama Dan Peribadi Abū Hurayrah

Dalam bukunya *Women and Islam*, Mernissi mengatakan bahawa keperibadian dan nama Abū Hurayrah sewajarnya diteliti kerana sikap sangsi beliau terhadap wanita. Sebagai menyanggah pernyataan Mernissi, kajian berpandangan bahawa Mernissi jelas tidak dapat membuktikan bahawa kehidupan Abū Hurayrah menjenuhkan kehidupan kaum wanita sehingga dapat memberi kesempatan kepada para pembaca untuk dapat menilai dan menimbang dakwaan Mernissi yang tersasar.

Menurut Mansour Faqih (1996:10) pertama, dengan tanpa menyatakan pendapat lain Mernissi menghukum seolah-olah tidak ada pernyataan lain yang perlu dipertanyakan dari kritikan beliau tentang nama julukan Abū Hurayrah. Nama julukan Abū Hurayrah bukan sahaja disebut sewaktu beliau memeluk Islam bahkan semenjak Abū Hurayrah di Yaman. Kedua,

Ibn Ḥajar (1992:7:430) menyebutkan sebanyak dua puluh pendapat tentang nama Abū Hurayrah iaitu <sup>c</sup>Abd Syams, <sup>c</sup>Abd Nahm, <sup>c</sup>Abd Taim, <sup>c</sup>Abd Ghunm, <sup>c</sup>Abd <sup>c</sup>Uzza, <sup>c</sup>Abd. Yalail, <sup>c</sup>Ubaid, <sup>c</sup>Ubaidillah, Sukāyn, Sakan, <sup>c</sup>Amr, <sup>c</sup>Umair, <sup>c</sup>Amir, Barir, Bir, Yazīd, Sa<sup>c</sup>d, Suaid, <sup>c</sup>Abdullah dan <sup>c</sup>Abd. al-Rahman. Ketiga, dari pelbagai riwayat yang dinukil oleh Ibn Ḥajar,

tidak terdapat riwayat yang menyebutkan nama Abū Hurayrah sebagai <sup>c</sup>*Abd al-Syams* seperti yang dikemukakan oleh Mernissi sebaliknya <sup>c</sup>*Abd. Syams*. (Mansour Faqih:1996:10)

Selain itu berkenaan julukan Abū Hurayrah Mernissi hanya menampilkan riwayat al-Baghāwī yang antaranya menyebutkan ketidakgemaran Abū Hurayrah terhadap julukan itu kerana ada unsur-unsur keperempuanan di dalamnya. Dengan merujuk kitab yang sama ternyata terdapat banyak riwayat lain yang mencantumkan penyebutan Abū Hurayrah tanpa penyebutan pembetulan Abū Hurayrah. Dalam Sahih al-Bukhārī Rasulullah s.a.w memanggil beliau dengan sebutan Abū Hurayrah dan "*Abā Hir*" tanpa Abū Hurayrah merasa kurang senang dengan panggilan tersebut dengan alasan unsur-unsur keperempuanan di dalamnya. (al-Bukhari: 1:109). Namun mengapa Mernissi mengabaikan fakta ini dan hanya meyebut satu versi dan mengabaikan penyebutan versi-versi lain. Lantaran itu jika dinilai, riwayat al-Imam al-Bukhārī adalah lebih kuat tingkat kesahihannya berbanding riwayat al-Baghawī.

Merujuk kepada kritikan Mernissi di atas menarik untuk membandingkan teks yang ditulis oleh Mernissi yang menurutnya dinukil dari kitab al-Iṣābah dengan teks sebenar dari al-Iṣābah. Ibn Hajar menulis sebagai demikian: " Abū Hurayrah berkata,"...Aku datang sewaktu Rasulullah s.a.w berada di Khaybar dan umurku telah melebihi 30 tahun. Aku sering menemani baginda berkunjung ke rumah para isteri baginda, turut serta berjihad di medan peperangan (*ma<sup>c</sup>rakah*) dan menunaikan ibadah haji bersama baginda dan aku juga merupakan orang yang paling arif tentang ḥādīṣ baginda.(Ibn Hajar: t.th: 7:441) Sedangkan di dalam bukunya Mernissi menulis," Abū Hurayrah melayani Rasulullah dan membantu di rumah kediaman para wanita. Kedua teks di atas tampak jelas bertentangan. Mernissi dengan tanpa segan silu memanipulasi dan memutarbelitkan fakta mengenai Abū Hurayrah sekalipun beliau mengakui bahawa mengambilnya dari kitab al-Isabah.

Selain di atas Mernissi turut memotong teks tentang penyertaan Abū Hurayrah dalam peperangan bersama Rasulullah s.a.w bagi mengukuhkan pendapat beliau. Menyanggah dakwaan Mernissi, Abū Hurayrah turut terlibat di medan peperangan dan bukan hanya sekali beliau terlibat bersama Rasulullah s.a.w malah beliau turut berkorban jiwa raganya dalam peperangan pembebasan Mekah (*Fath Makkah*), *Hunāyn*, *Tabūk*, *Ṭāif* dan peperangan melawan golongan yang keluar dari Islam (Riddah), peperangan Yarmūk, Armenia dan Georgia. (Mansour Fakih: 13)

Selain itu Abū Hurayrah pernah hidup sebagai seorang ahli ibadah dan seorang mujtahid, guru ḥādīṣ dan pemberi fatwa di Madinah. Abū Hurayrah juga tidak ketinggalan menyumbangkan tenaga dalam urusan kenegaraan apabila menjadi gabenor di Bahrain. Penolakan Abū Hurayrah akan pelawaan Umar bukan bermaksud beliau tidak mampu dan bersikap kasar terhadap Umar, akan tetapi penolakan beliau agar kehormatan beliau tidak tercela. Tambahan pula sikapnya taqwanya yang tinggi dan tidak mahu menghukum tanpa ilmu dan berbicara tanpa belas kasih.

Membongkar kenistaan Mernissi dalam bukunya, kajian menyatakan bahawa Abū Hurayrah bukanlah seorang pemalas dan kerjayanya sebagai penghafal ḥādīṣ juga merupakan usaha yang mulia. Kerjaya ini juga merupakan kerjaya yang menjadi impian kebanyakan para sahabat yang lain. Sesungguhnya periwayatan ḥādīṣ yang dilakukannya merupakan suatu anugerah dan kehebatan yang dikurniakan Allah s.w.t kepadanya. Kemiskinan dan ketaqwaannya menjadikan diri Abū Hurayrah semakin akrab dengan Rasulullah s.a.w sehingga berjaya meletakkan diri sebagai perawi terulung yang sentiasa menjadi mediator atau penyampai utama ḥādīṣ-ḥādīṣ Rasulullah s.a.w.

## RUJUKAN

1. al-<sup>°</sup>Asqalani, Ahmad bin <sup>°</sup>Ali bin Hajar. 1958M. *Muqaddimah fath al-bari*, Bayrut: Dar al-Ma<sup>°</sup>rifah.
2. al-<sup>°</sup>Asqalani. 1984M. *Tahdhib al-tahdhib*. cet. 1. Bayrut: Dar al-Fikr.
3. al-<sup>°</sup>Asqalani. 1984M. *Taqrib al-tahdhib*. cet.1.Bayrut: Dar al-Fikr.
4. al-<sup>°</sup>Asqalani. 1992M. *al-Isabah*. cet. 1. Bayrut: Dar al-Jil.
5. al-Bukhari, Abu <sup>°</sup>Abdullah Muhammad bin Isma<sup>°</sup>il al-Ju<sup>°</sup>fi. 1981M. *Sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar al-Fikr: al-Matba<sup>°</sup>ah al-Nishr.
6. al-Dhahabi, Salah al-Din. ۱۹۹۶M. *Siyar a<sup>°</sup>lam al-nubala'*, Bayrut: Muassasah al-Risalah.
7. al-Hakim, Muhammad bin <sup>°</sup>Abdullah, *al-Mustadrak al-Hakim*, Bayrut:Dar al-Fikr, 1978.
8. al-Khatib, Muhammad <sup>°</sup>Ajjaj, *Abu Hurayrah rawi al-Islam*, Misr: t.pt, 1971.
9. al-Khatib, Muhammad <sup>°</sup>Ajjaj, *Sunnah qabla tadwin*, Bayrut: Dar al-Fikr, t.th.
10. Azwira Abd Aziz, et.al. *Anti hadis di internet: Satu manifestasi kebejatan akademik, dalam al-Qur'an dan al-Sunnah di Era Globalisasi*, Prosiding Seminar al-Qur'an dan Isu Semasa Peringkat Kebangsaan Kali Ketiga, UKM: Fakulti Pengajian Islam 2002.
11. Badri Khaeruman, *Otentitas hadis studi kritik atas kajian hadis kontemporer*, Bandung: Rosda, cet. 1, 2004.
12. Fatima Mernissi, *Teras terlarang*, ptrj. Ahmad Baiquni, Bandung: Mizan, Cet. 1, 1999.
13. Fatima Mernissi. 1991M. *Women and Islam: an historical and theological enquiry*. trans. Mary Jo Lakeland, UK: Basil Blackwell.
14. Mansour Fakih, et.al. *Membincang feminisme: Diskursus gender perspektif Islam*, Surabaya: Risalah Gusti, 1996.